

# PENDAPATAN PERNIAGAAN INDIVIDU

Tahun Taksiran 2009

LHDNM-R/003/10



**Bersama Membangun Negara**

Guna e-Filing, senang.....  
Mana semua resit-resit tu??



Junaidi Dawi  
Sibu

## Pendapatan Perniagaan

Sumber pendapatan perniagaan adalah daripada:

- i) Milikan Tunggal
- ii) Perkongsian

Contoh:

- Perniagaan runcit
- Perniagaan jualan langsung
- Pertanian dan penternakan
- Perniagaan gerai
- Klinik, firma guaman atau lain-lain perkhidmatan profesional
- Bidang penulisan dan lakonan
- Perniagaan melalui internet

## Tanggungjawab Peniaga

- **Peniaga Tunggal/Ahli Kongsi:**
  - Isi dan hantar Borang B (e-B) (suami dan isteri perlu hantar borang secara berasingan)
- **Ahli Kongsi :**
  - Isi Borang P (e-P) dan CP30 (tanggungjawab Ahli Kongsi Utama)
  - Hantar Borang P (e-P) tanpa akaun perkongsian
  - Maklumkan secara bertulis sekiranya perkongsian tamat/ditukar kepada perniagaan milikan tunggal/syarikat sendirian berhad
- Simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama 7 tahun
- Dapatkan khidmat ejen cukai bertauliah untuk menyediakan akaun perniagaan

## Keperluan Penting Semasa Pengisian Borang

Sediakan penyata akaun, dokumen sokongan dan penyata lain-lain pendapatan

## Makluman Tambahan

Tarikh akhir menghantar Borang B, P dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): 30 Jun setiap tahun

## Perbelanjaan Perniagaan

Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan</li> <li>Contoh:</li> <li>• Upah/gaji</li> <li>• KWSP/PERKESO pekerja</li> <li>• Insurans perniagaan</li> <li>• Sewa premis perniagaan</li> <li>• Faedah atas pinjaman perniagaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan domestik dan persendirian</li> <li>Contoh : Bil elektrik, bil air rumah kediaman</li> <li>• Perbelanjaan pembelian aset peribadi</li> <li>Contoh : Kereta, rumah, perabot</li> </ul>

## Elaun Modal

Potongan Elaun Modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan diberi selepas pengiraan pendapatan larasan

## Jenis dan Kadar Elaun Modal

JENIS ELAUN	JENIS ASET	KADAR (%)
Elaun Permulaan	Semua jenis aset	20
	Kenderaan bermotor, jentera berat	20
Elaun Tahunan	Loji dan jentera	14
	Peralatan pejabat, Perabot dan lekapan	10
	Komputer	40